

# NOVEL DARAH TITIK DI SEMANTAN TINGKATAN DUA

## TEMA

Semangat perjuangan penduduk tempatan menentang penjajah Inggeris demi mempertahankan tanah air.

Contoh:

Datuk Bahaman dan pengikut-pengikutnya telah menentang pihak Inggeris kerana mencabuli perjanjian yang telah dipersetujui dan menindas penduduk tempatan

## PERSOALAN

Kerjasama dalam menghadapi penjajah.

- Zahid bekerjasama dengan rakan-rakannya untuk menentang penjajah Inggeris.
- Penduduk Semantan bersatu menentang pihak Inggeris semasa Datuk Bahaman sedang menawan Lubuk Terua.

Keberanian penduduk tempatan menentang penjajah Inggeris.

- Lajis dengan berani bersumpah bahawa dia akan menentang penjajah Inggeris.
- Datuk Bahaman telah kembali ke Lubuk Terua dengan membunuh askar-askar pihak Inggeris yang telah membakar rumah penduduk tempatan.

Kesetiaan kepada negara.

- Rahmad dan rakan-rakannya berlatih bermain senjata demi mempertahankan tanah air daripada penjajah.

Pegangan agama yang kuat dalam kalangan masyarakat.

- Datuk Bahaman sentiasa berdoa kepada tuhan supaya perjuangannya mendapat bantuan dan keberkatan.

Kepentingan mendengar arahan ketua.

- Tuk Selampit membatalkan niatnya untuk menyempit pihak Inggeris yang berjalan bersama Sultan dan Tengku Ali atas arahan Datuk Bahaman. Datuk Bahaman bimbang buluh runcing tersasar pada sultan.

## WATAK DAN PERWATAKAN

### ZAHID

Seorang yang pandai menentang musuh.

Contoh: Dia berjaya membalik buluh runcing tepat pada belakang seorang pihak Inggeris.

## Layari : [Docx.my](http://Docx.my) (Sumber Pendidikan Dan Laman Pendidikan Percuma)

Seorang yang patuh kepada ajaran agama.

Contoh: Selepas solat, dia akan berdoa kepada tuhan supaya tuhan memberkati perjuangannya menentang penjajah.

Seorang yang berani.

Contoh: Dia berani menentang dua orang pemuda yang sedang mengganggu Kak Minah.

Seorang yang mementingkan semangat setia kawan.

Contoh: Dia dan kawan-kawan akan melakukan tugas seperti menjaga kawasan dan menjaga kubu bersama-sama.

Seorang yang mempunyai semangat berjuang yang tinggi.

Contoh: Dia mempunyai prinsip dimana anak muda mestilah mengangkat senjata sekiranya diancam oleh pihak Inggeris manakala ibu bapa tidak boleh menghalang anak-anak mereka daripada berjuang. Anak-anak muda tidak boleh mati di atas tilam.

### DATUK BAHAMAN

Orang kaya Semantan dan pembesar negeri

Mempunyai 2 anak iaitu Mat Lela dan Awang Muhammad

Seorang yang setia kepada sultan.

Contoh: Datuk Bahaman tetap tidak mahu menanggung risiko jika sultan tercedera dalam pertempuran. Disebabkan itu, Datuk Bahaman tidak membenarkan Tuk Selampit menyempit Rodger yang duduk bersebelahan dengan sultan di dalam perahu.

Seorang yang tidak mementingkan pangkat dan gelaran.

Contoh: Datuk Bahaman tiada mengeluarkan air mata apabila gelaran dan pangkat telah di tarik semula oleh Sultan. Namun, perjuangan menentang pihak Inggeris tetap diteruskan.

Seorang yang berani.

Contoh: Datuk Bahaman telah kembali ke Lubuk Terua seorang diri setelah mendapat tahu pihak Inggeris membakar kampung-kampung di Semantan. Dia telah berjaya membunuh banyak mata-mata pihak Inggeris walaupun seorang diri.

Seorang yang mahir dalam ilmu pukau

Contoh : Datuk Bahaman telah memukau semua orang yang ada di dalam perahu semasa beliau ingin berjumpa dan berbincang dengan sultan.

Seorang yang mementingkan kebajikan rakyat.

Contoh: Semasa di Johor, Datuk Bahaman telah menolak tawaran Gabenor Singapura untuk memberikan 500 sebulan supaya berhenti menentang pihak Inggeris. Namun, Datuk Bahaman memilih berjuang bersama rakyat.

Seorang yang berpegang pada janji.

## Layari : [Docx.my](http://Docx.my) (Sumber Pendidikan Dan Laman Pendidikan Percuma)

Contoh: Datuk Bahaman berpegang pada janji bahawa beliau tidak akan menembak askar sultan walaupun terpaksa menderita dan anaknya mati sewaktu bertempur dengan askar sultan dan Inggeris.

### SAMAD

Rakan kepada Zahid, Rahman dan Awang Muhammad.  
Pernah ditangkap oleh Pihak Inggeris kerana membawa rotan.

Seorang yang berani.

Contoh: Samad mengingatkan rakan-rakannya dimana mereka haruslah berani dalam perjuangan pada setiap masa.

Seorang yang pandai menyimpan rahsia.

Contoh: Samad telah berpura-pura menjadi budak bodoh ketika pihak Inggeris menyuruh menceritakan perkara yang sebenar.

Seorang yang bijaksana mengatur strategi.

Contoh: Samad telah melarang rakan-rakannya merosok pokok-pokok di tebing supaya mudah untuk mengintip musuh.

Seorang yang mempunyai semangat kerjasama

Contoh: Samad dan rakan-rakannya bekerjasama membina kubu.

### MAT LELA

Umurnya hendak meningkat ke 30 tahun.  
Anak Datuk Bahaman dan abang Awang Muhammad  
Terkena tembakan di peha namun dapat diselamatkan

Seorang yang berfikiran terbuka

Contoh: Mat Lela bersetuju dengan bapanya dimana perjuangan harus menggunakan strategi dan akal fikiran.

Seorang yang berterus-terang.

Contoh: Mat Lela berterus terang dimana dia tidak mempercayai janji sultan dan berpendapat sebaliknya itu sebagai muslihat.

### LAJIS

Guru silat kepada Rahmad dan rakan-rakannya.

Baru berkahwin dengan Kak Minah.

Menjadi pengintip untuk mengetahui rahsia gerakan Inggeris di Kuala Semantan.

Seorang yang mudah bekerjasama apabila dia bermuakat dengan Pak Uda untuk membina bengkel membuat senjata.

Seorang yang taat pada perintah agama.

## GAYA BAHASA

Diksi

Bahasa istana

Contoh: Baginda berangkat ke Pulau Tawar dan dan bersemayam di sana.

Bahasa klasik

Contoh: Datuk Bahaman berhenti kira-kira 5 hasta dari pintu pagar rumah pasung itu.

Simile

Contoh: Bahagian tengah pisang itu hancur seperti kena tikam.

Personifikasi

Contoh: Matahari memancar dengan gagahnya di kaki langit timur.

Peribahasa

Contoh: Biarlah, Alang-alang menyeluk perkasam biar sampai ke pangkal lengan.

Sinkope

Contoh: Tak guna kita tunggu di sini.

Metafora

Contoh: Perajurit-perajurit kita sudah lapar darah.

Inversi (ayat songsang)

Contoh: Selepas sembahyang subuh dan sarapan, aku bersalin pakaian

## PLOT

Pengenalan

Pembaca diperkenalkan dengan tempat Lubuk Terua, Sungai Semantan. Selain itu, pembaca juga diperkenalkan dengan watak seperti Zahid, Rahman, Samad dan Awang Muhammad. Permulaan cerita digambarkan watak Datuk Bahaman sebagai orang kaya Semantan dan Mat Lela sebagai pemimpin untuk menentang Inggeris.

Perkembangan

Datuk Bahaman menyeru penduduk Lubuk Terua menentang penjajah dan membuat persediaan untuk berperang dengan membuat latihan. Zahid dan rakan-rakannya telah membantu membina kubu di Pangkat Merbau Berdarah di tepi Lubuk Meruah.

Perumitan

Inggeris sudah mula bertapak di Lubuk Terua. Mata-mata Inggeris telah membina rumah pasung di tepi tebing manakala Zahid dan rakan-rakan membina kubu serta menyediakan bambu runcing untuk menyerang Inggeris. Pada masa yang sama, Datuk Bahaman ke Johor untuk berunding dengan Gabenor Singapura. Kak Minah diganggu oleh dua orang pemuda tempatan yang menjadi mata-mata Inggeris. Lajis dan Pak Uda mendirikan bengkel membuat senjata. Datuk Bahaman meminta Lajis dan Rahmad menjadi pengintip di Kuala Semantan. Pihak Inggeris telah bermesyuarat dengan sultan dan orang-orang besar di Pulau Tawar bagi menyerang Datuk Bahaman dan penduduk Semantan.

#### Puncak/Klimaks

Mat Kilau membawa berita bahawa sultan mengisytiharkan bahawa Datuk Bahaman sebagai penderhaka kerana dipaksa oleh Hugh Clifford. Gelaran dan pangkat yang dikurniakan sultan kepada Datuk Bahaman telah ditarik semula. Pak Uda Ismail, Pak Abas dan Samad ditangkap oleh Inggeris tetapi berjaya diselamatkan oleh Datuk Bahaman. Kemudian, Pak Uda Ismail telah dibunuh oleh Inggeris. Datuk Bahaman menjelaskan bahawa Inggeris, mata-mata Inggeris dan askar-askar sultan yang diketuai oleh Tengku Ali akan mudik ke Semantan. Tuk Selampit menjadi marah kerana Datuk Bahaman melarang Tuk Selampit menyumpit mata-mata Inggeris dan askar-askar sultan. Askar-askar sultan mungkir janji dimana mereka tidak menembak ke udara dan sebaliknya telah menembak Mat Lela, Awang Muhammad dan pengikut Datuk Bahaman. Datuk Panglima Raja meminta Datuk Bahaman membalas serangan pihak Inggeris tetapi Datuk Bahaman tetap berpegang pada janjinya. Akibat terlalu marah terhadap tindakan Datuk Bahaman, Tuk Muda Bidin dan Imam Perah Weh telah menyerah diri dan akhirnya mereka dibunuh oleh ketua askar sultan.

#### Peleraian

Ramai perajurit Semantan telah gugur dan mereka telah berundur ke Darat Kelubi. Pihak Inggeris dan askar-askar sultan sangat gembira. Mat Kilau membawa surat bahawa penduduk Semantan telah mendapat pengampunan sultan kecuali Datuk Bahaman. Penduduk kampung Semantan telah pulang ke rumah masing-masing selepas Datuk Bahaman mengarahkan Pak Cik Hassan Tahmid menghebahkan berita tersebut. Zahid dan Samad telah pulang ke Lubuk Terua. Rahmad pula tinggal bersama Datuk Bahaman di Darat Kelubi. Tuk Gajah telah mudik ke Sungai Tembeling dan akan terus ke Kelantan atau Terengganu. Tuk Raja kurang berminat untuk menentang penjajah. Mata-mata Inggeris dan askar sultan yang diketuai Wise datang mencari Datuk Bahaman di Lubuk Terua tetapi tidak dijumpai. Rumah penduduk tempatan dibakar dan terdapat penduduk yang mati ditembak. Khabarnya, Datuk Bahaman telah kembali semula di Lubuk Terua lalu membunuh mata-mata Inggeris. Selepas peristiwa itu, Zahid tidak berjumpa dengan Datuk Bahaman lagi.

#### TEKNIK PLOT

##### Teknik Pemerian

- gerak laku Datuk Bahaman selepas sembahyang dan berdoa,
- Contoh: Selepas solat, Datuk Bahaman melangkah ke ruangan mimbar merenung wajah jemaah yang belum pulang.

## Layari : Docx.my (Sumber Pendidikan Dan Laman Pendidikan Percuma)

### Teknik Dialog

- Dialog Mat Kilau dan Datuk Bahaman
- Contoh: "Tapi saya fikir, patut juga Clifford tidak menjemput Datuk ke mesyuarat itu". Kata Mat Kilau kepada Datuk Bahaman.

### Teknik Imbas Kembali

- Mat Lela teringat akan cerita Mat Kilau tentang Owen
- Contoh, "Malam tadi Mat Kilau bercerita pada kami tentang Owen. Owen masih muda dan berdarah panas. Dia angkuh seperti Syress juga."

### Teknik Imbas Muka

- Awak Muhammad memikirkan gerakan yang akan dilakukan Zahid dan Rahmad semasa ketiadaan Rahman.

### Teknik Monolog Dalaman

- Zahid terlihat beberapa buah perahu yang tertambat di tebing sungai bersebelahan dengan dusun Datuk Panglima Raja Awang Ishak.
- Contoh, "Tentu ini perahu Inggeris yang dikatakan oleh Pak Long Abas semalam, fikirku lalu menggelongsor turun ke tepian."

### Teknik Kejutan

- Imam Perang Weh menyerah diri selepas kecewa dengan Datuk Bahaman ketika waktu peperangan dengan pihak askar sultan dan Inggeris lalu ditikam oleh ketua askar sultan

### Teknik Saspens

- Zahid dan rakan-rakan terdengar suara jeritan meminta tolong dari rumah Lajis. Pembaca tertanya-tanya akan suara perempuan yang menjerit dari rumah Lajis.

## LATAR

### LATAR MASA

#### Hari Jumaat

Contoh, Samad mengajak kawan-kawannya menggali kubu pada hari Jumaat di pangkal merbau berdarah di tebing Lubuk Sengarat.

#### Pada waktu pagi

Contoh, Setiap pagi Rahmad dan rakan-rakannya berlatih membaling bambu runcing di sebuah dusun durian yang terletak berhampiran dengan Mempahit.

#### Pada waktu tengah hari

Contoh: Zahid dan rakan-rakannya makan tengah hari dan selepas makan mereka sembahyang Zuhur bersama-sama di kubu mereka.

#### Selepas waktu maghrib

## Layari : [Docx.my](http://Docx.my) (Sumber Pendidikan Dan Laman Pendidikan Percuma)

Contoh: Zahid dan kawan-kawan membaca surah yassin selepas selesai solat Maghrib dan berdoa agar kejayaan menentang Inggeris diperoleh.

Pada waktu petang

Contoh, Mat Kilau datang ke Darat Kelubi untuk menemui Datuk Bahaman dengan membawa satu salinan surat pengampunan beramai-ramai kepada orang Semantan.

Pada waktu malam

Contoh, Lajis disuruh oleh mata-mata Inggeris menghantar makanan kepada orang salah iaitu Ismail, Abas dan Samad.

### LATAR TEMPAT

Lubuk Terua

Contoh: Syres selalu datang ke Lubuk Terua bertujuan untuk mencari rahsia tentang Datuk Bahaman.

Lubuk Sengarat

Contoh: Zahid dan kawan-kawannya telah menggali kubu di Lubuk Sengarat untuk menjadi banteng pertahanan menentang Inggeris.

Johor

Contoh: Datuk Bahaman pergi ke Johor bagi mewakili raja dan orang-orang besar Pahang menghadap Sultan Johor untuk mengadu kepada sultan tentang penjajah Inggeris di Semantan.

Rumah Pasung Temerloh

Contoh, Datuk Bahaman menggunakan ilmu menidurkan orang bagi membebaskan Pak Uda Ismail, Pak Long Abas dan Samad yang telah ditangkap Inggeris.

Kubu berhampiran pokok merbau berdarah

Contoh, Zahid dan rakan-rakannya mengintip kedatangan musuh di dalam kubu.

### LATAR MASYARAKAT

Masyarakat pejuang

Contoh, Datuk Bahaman dan pengikut-pengikutnya merupakan masyarakat pejuang yang ingin membebaskan tanah air mereka daripada belenggu penjajahan.

Masyarakat mata-mata Inggeris dari India dan Benggala.

Contoh: Pihak Inggeris telah mengupah mata-mata dari India dan Benggala untuk menakut-nakutkan rakyat tempatan supaya tidak menentang Inggeris.

Masyarakat penjajah Inggeris

## Layari : [Docx.my](http://Docx.my) (Sumber Pendidikan Dan Laman Pendidikan Percuma)

Contoh, pihak Inggeris merupakan masyarakat penjajah yang ingin mendapatkan kuasa di daerah Semantan.

Masyarakat yang mementingkan agama

Contoh, penduduk Kampung Semantan menunaikan sembahyang secara berjemaah di masjid.

Masyarakat yang mengenang jasa

Contoh, Lajis mengucapkan terima kasih kepada Zahid dan rakan-rakannya yang telah menyelamatkan isterinya yang diganggu oleh dua orang pemuda Melayu yang menjadi orang suruhan Owen.

Masyarakat yang bekerjasama

Contoh, Zahid, Samad, Rahman dan Awang Muhammad bekerjasama membina kubu di Lubuk Sengarat.

### NILAI DAN PENGAJARAN

Nilai - Kerjasama

Pengajaran - Kita hendaklah bekerjasama ketika melakukan sesuatu.

Contoh - Lajis bekerjasama dengan Pak Uda Ismail untuk mendirikan bengkel senjata dekat rumah Pak Uda Ismail.

Nilai - Keberanian

Pengajaran - Kita haruslah berani menempuh cabaran dan halangan dalam kehidupan.

Contoh - Datuk Bahaman terjun ke dalam air dan mengejar musuhnya iaitu askar Inggeris.

Nilai - Hormat-menghormati

Pengajaran - Kita hendaklah sentiasa menghormati ketua dalam organisasi.

Contoh - Tuk Muda Bidin dan Imam Perang Weh sentiasa menghormati Datuk Bahaman sebagai ketua dan mereka akur arahan Datuk Bahaman agar tidak menembak askar sultan.

Nilai - Cinta akan Negara / Patriotisme

Pengajaran - Kita mestilah berjuang mempertahankan tanah air kita daripada dijajah.

Contoh - Zahid, Datuk Bahaman dan penduduk Semantan semuanya mempunyai semangat patriotisme. Mereka sanggup bergadai nyawa memerangi musuh semata-mata mempertahankan tanah air yang dicintai.

Nilai - patuh akan ajaran agama

Pengajaran - Kita hendaklah patuh kepada ajaran agama.

Contoh - Zahid dan kawan-kawannya tidak pernah meninggalkan solat dan sentiasa berdoa kepada Tuhan supaya diberi pertolongan di dalam menentang Inggeris.